

IMEJ satelit yang dirakam oleh NASA menunjukkan keadaan taufan Halong yang melanda kepulauan utama Jepun pada 10 Ogos lalu.



LAPANGAN Terbang Haneda di Tokyo sesak berikutan banyak terpaksa dibatalkan.

Taufan Halong

Oleh SOPI SAMAILE
sopi.samaile@kosmo.com.my

SERAMAI 10 orang maut manakala berpuluh-puluh lagi mengalami kecederaan apabila taufan Halong melanda kepulauan Jepun pada Ahad lalu.

Pada masa sama, laporan kelmarin menyatakan, hujan lebat masih berlaku di utara negara matahari terbit itu.

Menurut laporan Agensi Meteorologi Jepun, taufan itu bergerak merentasi Laut Jepun (Laut Timur) pada pagi Isnin selepas melanda kepulauan Honshu, pulau terbesar dan paling ramai penduduk pada hujung minggu.

Bagaimanapun, bencana ribut tersebut berterusan dan melanda kawasan utara Jepun bersama hujan lebat menyebabkan pihak berkuasa memberi amaran mengenai tanah runtuh, banjir dan kemungkinan berlakunya puting beliung di kawasan terbabit.

Dalam pada itu,

Ribut dan hujat lebat m
10 orang terbunuh dan

agensi meteorologi turut menyatakan bahawa taufan berkenaan mulai reda dan mengkatégorikannya sebagai ribut tropika pada Isnin lalu dan ia menghala jauh ke arah pantai timur Rusia.

Ribut dan juga hujat lebat minggu lalu itu dilaporkan telah menyebabkan dua orang terbunuh dan mencederakan 86 penduduk di seluruh negara, lapor stesen penyiaran NHK.

Bagaimanapun, akhbar terkemuka *Nikkei* melaporkan bahawa sejumlah 10 kematian ekoran bencana ribut tersebut.

Antara mangsa yang maut ialah seorang lelaki warganegara Iran ditemui di Ibraki, timur laut Tokyo bersama dua wanita Jepun di Sakai dan Takamatsu di barat negara berkenaan, kata *Nikkei*.

Agensi Polis Kebangsaan bagaimanapun enggan mengesahkan jumlah mangsa yang meninggal dunia akibat ribut berkenaan ekoran jumlah tepat bagi seluruh negara belum dikenalpastikan lagi.

ronaalam



BEBERAPA buah kenderaan ditenggelami air disebabkan taufan Halong yang mengorbankan 10 penduduk.



Time	Destination	Class	Price	Days
14:30	OSAKA ITAMI	121	10	
15:00	AKITA	1268	24	
15:00	OSAKA ITAMI	125	13	
15:00	SAPPORO	521	17	
15:00	KOMATSU	1207	23	
15:25	NAHO (IRIOMOTE)	6356		
16:00	OSAKA (JAN)	1385	24	
16:00	OSAKA (JAN)	1621	13	
16:30	SAPPORO	6330	18	



TAUFAN Halong menyebabkan beberapa kawasan di Kyoto ditenggelami air deras.

no 13/8/14 MS 32/33

menggganas di Jepun



Sementara itu, pasukan pengawal pantai Jepun meneruskan operasi mencari seorang lelaki yang dilaporkan hilang ketika berlayar dari Wakayama di barat Jepun semasa kejadian ribut tersebut.

"Polis dan pengawal pantai telah menggunakan sebuah bot penyelamat dan dua helikopter, namun kami tidak menemui apa-apa tanda," kata jurucakap polis.

Amaran

Agensi cuaca dalam pada itu telah mengeluarkan amaran peringkat tertinggi pada Sabtu lalu mengenai ancaman kepada nyawa dan risiko kerosakan besar-besaran terhadap Wilayah Mie, 300 kilometer ke barat Tokyo.

Namun, amaran yang telah ditarik balik pada petang Ahad itu menyatakan mungkin berlakunya hujan yang tidak dijangka, sekali gus boleh mengakibatkan tanah runtuh besar dan banjir.

Pihak berkuasa tempatan, terutamanya di barat Jepun juga telah mengeluarkan nasihat kepada 1.6 juta orang

untuk berpindah.

Sementara itu, perkhidmatan syarikat penerbangan sebahagian besarnya telah kembali normal dengan hanya segelintir penerbangan dibatalkan pada Isnin lalu.

Sebelum itu, lebih 700 penerbangan terpaksa dibatalkan pada hujung minggu.

Terdahulu pada Ahad lalu, taufan ganas telah melanda kepulauan utama barat Shikoku bersama ombak besar menghempas pantai.

Ia kemudian melanda Honshu yang berhampiran dengan bandar Ako di pantai barat daya, merentasi barat Jepun.

Ekoran taufan berkenaan, kawasan luas yang meliputi rumah-rumah dan sawah padi telah ditenggelami air di barat Jepun, terutamanya di Pulau Shikoku.

Rakaman televisyen turut menunjukkan pokok-pokok tumbang dan tiang elektrik rebah akibat dilanda angin kencang.

Pada Julai lalu, taufan Neoguri telah membunuh beberapa penduduk Jepun dan menyebabkan kemusnahan di selatan negara itu.



PEMANDANGAN dari udara menyaksikan beberapa kawasan sawah padi ditenggelami selepas air dari Sungai Naka melimpah.

TANAH runtuh yang berlaku berhampiran sebuah kawasan perumahan selepas hujan lebat akibat taufan Halong di Kochi, Jepun.



EBATANG pokok besar patah dan tumbang akibat tiupan angin kencang ekoran taufan along di Mibu, Tochigi, utara Tokyo, Jepun.

